

# 'Lupakan saja penggabungan Gerakan – MCA'

um-19/12/2006

**AYER TAWAR** 18 Dis. – Lupakan saja. Itulah kata-kata Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik mengenai cadangan supaya parti itu digabungkan dengan MCA.

Beliau berkata, cadangan penggabungan itu tidak menerima sambutan menggalakan dan ia kini boleh dilupakan sahaja.

"Para pemimpin dan jawatankuasa pusat tidak menunjukkan minat, maka kita boleh melupakan sahaja hasrat penggabungan itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan RM100,000 di Kuil Sri Maha Mariamman, Kampung Columbia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Gerakan akan memulakan rundingan baru untuk bergabung dengan MCA setelah cadangan penggabungan antara Gerakan dan Parti Progresif Rakyat (PPP) ditolak oleh Gerakan.

Cadangan penggabungan Gerakan

**Para pemimpin dan jawatankuasa pusat tidak menunjukkan minat, maka kita boleh melupakan sahaja hasrat penggabungan itu**

**DR. LIM  
KENG YAIK**  
Presiden  
Gerakan

MCA pertama kali diumumkan oleh Keng Yaik dan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting pada 18 Disember 2003 pada satu majlis makan malam bersama di Alor Star.

Keng Yaik, yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi yang akan melepaskan jawatan Presiden Gerakan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon pada 8 April tahun depan, menyifatkan detik penyerahan tugas itu sebagai satu peristiwa yang menggembirakan.

"Saya akan meraikan hari lahir saya, saya akan meraikan kebebasan saya. Saya tidak ada kerja, (sudah) cukup," katanya.

Keng Yaik melahirkan rasa puas hatinya terhadap pencapaian beliau sepanjang menerajui Gerakan sejak 1980.

"Saya berpuas hati kerana generasi muda seperti Tsu Koon masih memiliki pemikiran yang sama seperti ketika saya mengambil alih daripada Tun Dr. Lim Chong Eu. Gerakan bekerja menggunakan politik tanpa perkauman untuk menyelesaikan masalah pelbagai kaum," katanya.

Keng Yaik juga meminta rakyat mempertahankan perpaduan dan keharmonian antara mereka.

"Saya menyeru kepada semua rakyat negara ini, khususnya kepada kalangan ahli

politik, jangan berpolitik dengan agama. Ini adalah satu isu yang sangat serius kepada rakyat kita," katanya.

**- Bernama**

